

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Dr. Azman bin Ismail  
[ Kuala Kedah ]
- SOALAN** : Dr. Azman bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** senarai kontraktor yang terlibat dalam membina rumah nelayan dalam Projek Khas Perumahan Nelayan. Senaraikan juga nilai hasil kerja setiap kontraktor.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Projek Khas Perumahan Nelayan merupakan salah satu usaha Kerajaan Persekutuan di bawah bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi membantu membaik pulih dan membina baharu rumah supaya golongan nelayan menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa. Projek Khas Perumahan Nelayan dapat dibahagikan kepada tiga (3) komponen iaitu baik pulih rumah, bina baharu rumah dan penempatan semula nelayan. Bermula tahun 2012 sehingga 2015, Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) merupakan pelaksana bagi program baik pulih dan bina baharu rumah nelayan.

Sehingga tahun 2015, sebanyak 18,146 permohonan baik pulih dan bina baharu rumah nelayan telah diproses oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia. Di Negeri Kedah sebanyak RM17.04 juta peruntukan telah disalurkan bagi membaik pulih 1,840 buah rumah nelayan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.81 juta telah diperuntukkan bagi

membalik pulih sebanyak 331 buah rumah nelayan di Parlimen Kuala Kedah. Dilaporkan status baik pulih rumah di kawasan Parlimen Kuala Kedah telah siap 100% oleh kontraktor yang dilantik oleh MPPP.

Berikut disenaraikan kontraktor yang terlibat dalam pelaksanaan baik pulih rumah nelayan di kawasan Parlimen Kuala Kedah:

BIL	SENARAI KONTRAKTOR	PRESTASI KONTRAKTOR
1.	AFZ Utara Enterprise	100% Siap
2.	Kinitama Enterprise	100% Siap
3.	YSA Bina Corporation (M) Sdn Bhd	100% Siap
4.	Teguh Lestari Enterprise	100% Siap
5.	Ramzi Kimpalan & Kontraktor	100% Siap
6.	Rumpun Harapan Enterprise	100% Siap
7.	Abkad Enterprise	100% Siap
8.	Adza Teguh Enterprise	100% Siap
9.	PPK Suka Setia Mada C-iv Kangkong,	100% Siap
10.	PPK Tun Adam Malik B-iv Pengkalan Kundur,	100% Siap
11.	PPK Sri Pantai (Mada A-iv Batas Paip),	100% Siap
12.	Persatuan Nelayan Negeri (Nekad)	100% Siap
13.	Egatland Trading	100% Siap
14.	Anz Maju Jaya Enterprise	100% Siap
15.	Romli Bin Ahmad	100% Siap
16.	Ebus Construction & Enterprise	100% Siap
17.	Hajat Terus Construction	100% Siap
18.	Mohar Bin Hussein	100% Siap
19.	FHA Serasi Enterprise	100% Siap
20.	RBI Utama Enterprise	100% Siap
21.	NDI Utama Enterprise	100% Siap
22.	AHM Utara Enterprise	100% Siap
23.	Tinta Enterprise	100% Siap
24.	AN Zazera Construction	100% Siap
25.	Impian Juta Enterprise	100% Siap
26.	Sri Sedaka	100% Siap
27.	Zaydin Resources	100% Siap
28.	A.S. Indera Jaya Sdn Bhd	100% Siap
29.	Perniagaan Fazida	100% Siap
30.	Bimbitmas Trading	100% Siap
31.	Sri Irza Enterprise	100% Siap
32.	Twin Enterprise	100% Siap
33.	MPN Gemilang Enterprise	100% Siap
34.	Isba Unggul Enterprise	100% Siap
35.	Hisham Bin Ahmad	100% Siap
36.	GK Ulung Enterprise	100% Siap
37.	GK Gemilang Enterprise	100% Siap
38.	KJE Global Enterprise	100% Siap

BIL	SENARAI KONTRAKTOR	PRESTASI KONTRAKTOR
39.	Zulkifli Bin Harun	100% Siap
40.	Enaco Enterprise	100% Siap
41.	Si Dinamik Enterprise	100% Siap
42.	Syarikat Yaacob	100% Siap
43.	Maza Maju Enterprise	100% Siap
44.	Ikatan Zufa Enterprise	100% Siap
45.	Perusahaan Sinar	100% Siap
46.	Puncak Mesra Enterprise	100% Siap
47.	Cetusan Usaha Trading	100% Siap
48.	Asas Taqwa Enterprise	100% Siap
49.	Titian Bayu Enterprise	100% Siap
50.	Sanggo Constructin & Trading	100% Siap
51.	Pembinaan Mergong Bersatu	100% Siap
52.	Mozas Maju Enterprise	100% Siap
53.	ZY Teguh Enterprise	100% Siap
54.	NR Vision Enterprise	100% Siap
55.	GMJ Mega Enterprise	100% Siap
56.	Zeebras Trading	100% Siap
57.	Azdhas Construction	100% Siap
58.	Hana Maintenance Service	100% Siap
59.	JMF Bistari Enterprise	100% Siap
60.	Pembinaan Zmz Utara	100% Siap
61.	Ilham Angkasa Enterprise	100% Siap